

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

KUALA LANGAT / SEPANG

Bengkel khas bantu pelajar IKBN jalani latihan industri



Peserta bengkel khas berkenaan bersama pengurusan IKBN.

BANTING – Pelajar Diploma Teknologi Hiasan Dalam, Diploma Industri Product Design, Sijil Pengarangan Multimedia dan Sijil Terapi Sukan menyerahkan deklarasi persediaan menjalani latihan industri kepada pengurusan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kuala Langat Banting, baru-baru ini.

Penyerahan itu dibuat kepada Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Abdul Rahim Md Shariff mewakili Pengarah, Megat Hussain Megat Jaafar pada bengkel khas persediaan menjalani latihan industri.

Bengkel yang dikendali-

kan Presiden Alumni Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dan IKBN, Samsudin Oli Mohamed itu bertujuan mendedahkan pelajar dengan persediaan ke latihan industri.

Abd Rahim berkata, program anjuran Persatuan Alumni IKTBN/IKBN dengan kerjasama Pusat Pengajian Lanjutan Universiti Utara Malaysia (UUM) itu turut memberi pendedahan mengenai peluang pengajian lanjutan ke peringkat ijazah.

"Malah, program ini juga dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan.

"Kerjasama dengan majikan perlu supaya kehadiran pelajar ini bukan sekadar menjalani latihan, malahan mungkin boleh diserap sebagai pekerja tetap atau membantu mereka memulakan perniagaan," katanya.

Menurutnya, kursus itu membantu pelajar memberikan yang terbaik kepada industri atau majikan tempat mereka menjalani latihan nanti.

"Ilmu dan modul yang dipelajari telah diberikan tenaga pengajar dan kini tiba masa mereka berkongsi dengan wakil majikan untuk lebih jelas lagi," katanya.

Berhimpun setelah 26 tahun terpisah

SIJANGKANG - Seramai 50 bekas murid lelaki Sekolah Kebangsaan (SK) Sijangkang sesi 1985 hingga 1990 dihimpunkan buat julkung kalinya setelah 26 tahun terpisah.

Pengarah program, Azmi Selamat berkata, susulan kejayaan perhimpunan itu, timbul cadangan mengadakan perhimpunan besar-besaran pada hujung tahun ini.

"Idea nak buat *mega reunion* melibatkan bekas murid lelaki dan perempuan timbul hasil pertemuan ini. Masing-masing teringin nak jumpa kawan-kawan lama.

"Mungkin ada antara kami pernah tersempak tapi tak perasan. Jadi, *mega reunion* ni akan jadi titik tolak untuk mengeratkan semula hubungan satu sama lain," katanya pada majlis perhimpunan semula itu.

di Taman Rekreasi Paya Bakau di Kampung Sijangkang, di sini.

Menurutnya, bukan sesuatu yang mudah untuk menghimpunkan semula rakan-rakan lama, namun usaha itu berjaya hasil dorongan satu sama lain.

"Apa yang kita buat ni, semata-mata nak rapatkan ikatan persahabatan dan memanjangkan lagi silaturahim," katanya.

Azmi berkata, mereka juga bakal mengadakan program ziarah bekas guru SK Sijangkang yang uzur dan menyalurkan sumbangan hasil kutipan mereka.

"Pada Aidilfitri nanti, satu jamuan khas untuk bekas murid akan diadakan bagi meraihkan hubungan baik kami ketika alam persekolahan dulu," katanya.



Sebahagian bekas murid SK Sijangkang yang dapat dihimpunkan buat julkung kalinya.

Tambah baik sistem pembelajaran

Kolej Matrikulasi Selangor wujudkan slot asimilasi, dedah pelajar pengetahuan pra syarat dan amali sains mata pelajaran

JUGRA - Pencapaian pelajar matrikulasi penting bagi memastikan mereka dapat melanjutkan pengajian ke universiti sekali gus bakal menjadi pelapis kepimpinan negara pada masa depan.

Timbalan Menteri Pendidikan, P Kamalanathan berkata, pendaftaran pelajar baharu untuk program matrikulasi pada sesi 2016/2017 di Kolej Matrikulasi Selangor membuktikan generasi pada hari ini cerdik.

Menurutnya, pelajar yang terpilih diingatkan tidak mensia-siakan peluang diberi kerana program matrikulasi ini antara yang terbaik daripada Kementerian Pendidikan dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Malah, kita nak nasihatkan pelajar baharu ini supaya gigih mengharungi cabaran sepanjang pengajian dan terus berhubung dengan pengurus-



Kamalanathan bersama warga Kolej Matrikulasi Selangor dan sebahagian waris pelajar yang hadir pada minggu pengurusan pelajar baharu, kelmarin.

an kolej atau pensyarah sekiranya berdepan masalah.

"Bagi ibu bapa, kita minta mereka bersama memainkan peranan dalam menjamin kecemerlangan akademik anak-anak sepanjang pengajian di matrikulasi," katanya ketika mengadakan lawatan kerja

di Kolej Matrikulasi Selangor sempena minggu pengurusan pelajar baharu, kelmarin.

Dalam pada itu, beliau berkata, komitmen ditunjukkan bekas pelajar cemerlang Kolej Matrikulasi Selangor yang bertugas sebagai fasilitator membantu melancarkan perjalan-

an minggu pengurusan pelajar baharu itu dikaguminya.

"Apa yang kita nampak, pengalaman di matrikulasi dapat membantu mereka menjadi lebih berdisiplin selain melahirkan generasi belia aktif dalam komuniti.

"Sebagai ibu bapa pula,

kita jangan mudah putus asa sebaliknya beri perhatian dalam melihat kelebihan dan kecenderungan anak-anak untuk lebih berdikari," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kolej Matrikulasi Selangor, Dr Rosnah Selamat berkata, Kolej Matrikulasi Selangor

menambah baik sistem pembelajaran programnya dengan mewujudkan slot asimilasi sebaik tamat minggu pengurusan pelajar baharu yang akan berakhir 9 Jun nanti.

Menurutnya, slot asimilasi sepanjang dua minggu itu akan mendedahkan pelajarinya dengan pengetahuan dan kemahiran pra syarat berserta amali sains mata pelajaran yang akan dipelajari sepanjang tempoh pengajian dalam program berkenaan.

"Ibu bapa diminta terus memberikan sokongan dan motivasi selain sentiasa mengikuti perkembangan anak masing-masing untuk memantau disiplin mereka sepanjang pembelajaran.

"Kerjasama dan tanggungjawab berterusan antara ibu bapa dengan kolej penting bagi memastikan pelajar mencapai kecemerlangan akademik yang maksimum," katanya.